

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

**BVT 311/4 - Entomologi Perubatan & Perosak Bandar**

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA daripada ENAM soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

[BVT 311/4]

1. Bezakan subfamili Anophelinae dan Culicinae. Dengan menggunakan satu contoh, huraikan kepentingan perubatan genus yang terkandung di dalam kedua-dua subfamili tersebut.

(20 markah)

2. Huraikan kitar hidup lalat berikut serta peranan mereka sebagai vektor penyakit manusia.

- (a) *Simulium damonosum*
- (b) *Phlebotomus papatasi*
- (c) *Chrysops silaceus*
- (d) *Glossina morsitans*

(20 markah)

3. Kawalan vektor merupakan salah satu strategi yang penting untuk menangani penyakit bawaan vektor. Huraikan kaedah yang digunakan untuk mengawal penyakit seperti malaria dan denggi. Sejauh manakah kaedah ini berjaya mengurangkan kejadian penyakit tersebut di Malaysia?

(20 markah)

.../3-

4. (a) Berikan lima spesies anai-anai tanah yang umum di dalam dan sekitar bangunan di Malaysia.

(5 markah)

- (b) Bandingkan kaedah rawatan tanah dengan pengumpulan untuk kawalan anai-anai tanah.

(10 markah)

- (c) Huraikan dua kaedah moden dalam mengesan anai-anai.

(5 markah)

5. Tulis nota ringkas untuk tajuk berikut:

- (a) Trofalaksis
- (b) Kerintangan insektisid
- (c) Sanitasi
- (d) Pertunasan ('budding')
- (e) Kasta anai-anai

(20 markah)

6. (a) Bincangkan kebaikan penggunaan umpan untuk kawalan lipas berbanding dengan kaedah konvensional yang lain.

(10 markah)

- (b) Huraikan bagaimana kerintangan insektisid boleh berkembang dalam satu populasi lipas Jerman di dalam restaurant.

(10 markah)